

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan merumuskan beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian ini adalah untuk menghasilkan dan menilai keberkesanannya penggunaan Modul Pengajaran Kendiri (MPK) Pendidikan Moral Tingkatan Empat. Antara perkara yang akan disentuh adalah berkenaan dengan tujuan kajian dan hasil daripada keputusan yang telah diperolehi. Di samping itu, implikasi dan beberapa cadangan akan dikemukakan untuk pengkaji-pengkaji akan datang bagi memperbaiki serta memantapkan lagi sebarang kajian yang berkaitan dengan penghasilan dan penilaian MPK.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak bahan yang digunakan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ianya lebih merupakan alat bantuan mengajar yang digunakan oleh guru atau pelajar. Kebanyakan bahan ini dibuat mengikut citarasa guru itu sendiri tanpa membuat kajian terlebih dahulu. Oleh itu, kesesuaian dan keberkesanannya tersebut boleh dipertikaikan. Keraguan timbul sama ada bahan yang dibina tersebut sesuai dengan peringkat pelajar dan menepati sukanan pelajaran. Beberapa faktor hendaklah diambil kira untuk membina sesuatu bahan

pengajaran dan pembelajaran seperti memenuhi sukanan pelajaran, mengambil kira perbezaan individu pelajar, berpusatkan pelajar dan keanjalan.

Modul Pengajaran Kendiri (MPK) merupakan pilihan yang terbaik untuk menjadikan sesuatu pelajaran itu lebih menarik, mudah dan terancang. Hasil sorotan penulisan dan kajian lampau mendapati bahawa penghasilan MPK adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian para pelajar. Berdasarkan ini, keputusan dibuat untuk menghasilkan MPK bagi memulihkan penguasaan para pelajar dalam Pendidikan Moral.

MPK dalam kajian ini dibentuk berdasarkan model ADDIE. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini merupakan triangulasi beberapa kaedah seperti penilaian kesesuaian MPK, temubual berstruktur, ujian pencapaian dan pemerhatian tanpa penyertaan. Seramai 30 orang pelajar Tingkatan Empat telah dipilih. Seramai tiga orang guru yang bertindak sebagai pakar subjek (SME) telah terlibat dalam kajian. Penilaian formatif modul telah dilakukan melalui tiga peringkat iaitu penilaian pakar, ujian satu dengan satu, dan ujian kumpulan kecil. Tujuan penilaian formatif ini dijalankan adalah untuk memastikan MPK yang dibina adalah sesuai digunakan.

5.2 Ringkasan Dapatan Kajian

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah sebahagian besarnya bergantung kepada kaedah yang diamalkan oleh para guru. Ia mempunyai kesan ke atas pencapaian akademik dan sikap pelajar. Oleh itu kegagalan dalam sesuatu

kaedah pengajaran boleh menjasaskan minat dan kecemerlangan mereka dalam pelajaran. Oleh itu, sesuatu perlu dilakukan agar pembelajaran mereka tidak terjejas. Kajian ini dijalankan khusus untuk menjawab empat soalan. Hasilnya adalah seperti berikut:

5.2.1 Kesan Kaedah MPK Ke Atas Pencapaian Akademik

Peningkatan pencapaian akademik para pelajar boleh dicapai menerusi kaedah pengajaran yang berkesan. Praujian telah diberikan untuk mengetahui tahap pengetahuan sedia ada para pelajar. Sementara pascaujian untuk mengetahui pencapaian pelajar selepas penggunaan MPK yang telah dihasilkan. Dapatkan di dalam kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang besar ke atas min peningkatan pencapaian akademik secara keseluruhan. Perbezaan ini juga didapati signifikan. Keputusan yang sama diperolehi untuk soalan-soalan Bahagian A iaitu yang berbentuk objektif sahaja dan Bahgian B iaitu soalan-soalan yang berbentuk struktur. Didapati bahawa perbezaan min bagi Bahgian B adalah lebih tinggi daripada Bahgian A. Ini menunjukkan bahawa MPK telah membantu pelajar memahami teknik menjawab untuk soalan-soalan berbentuk struktur. Ini membuktikan bahawa keadaan pengajaran bermodul adalah berkesan kerana telah berjaya menghasilkan peningkatan pencapaian akademik yang tinggi di kalangan para pelajar yang mengikuti kaedah ini dalam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral. Keputusan yang diperolehi juga adalah sama seperti keputusan yang diperolehi oleh Shaharom Noordin (1999) dalam kajian tentang keberkesanan bahan pengajaran kendiri. Hasil kajian beliau mendapati bahawa prestasi murid-murid telah meningkat hasil penggunaan bahan pengajaran kendiri tersebut.

5.2.2 Pandangan Pelajar Terhadap Modul Pangajaran Kendiri (MPK)

5.2.2.1 Matlamat dan Objektif

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 93.3% pelajar mendapati objektif dinyatakan dengan jelas. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar bersetuju bahawa objektif yang dinyatakan dalam MPK adalah jelas. Sebanyak 50% pelajar pula mengaku bahawa objektif dapat diukur. Objektif yang dinyatakan di awal modul memberitahu pelajar apa yang perlu mereka kuasai dan bagaimana mereka dapat mengetahui bahawa mereka telah pun mencapai tahap tersebut. Ini dapat memberikan keyakinan kepada para pelajar dalam menggunakan modul tersebut. Ini adalah kerana apabila pelajar mengetahui arah yang akan dituju, mereka akan menjadi lebih yakin.

5.2.2.2 Kandungan

Daripada dapatan kajian didapati sebanyak 73.3% pelajar menyatakan arahan-arahan dalam MPK adalah jelas. Sebanyak 86.7% pelajar menyatakan bahawa tajuk-tajuk disusun mengikut urutan dan 80% pelajar menyatakan kandungan MPK adalah sesuai dengan objektif dan sukatan. Sebanyak 53.3% pelajar pula menyatakan bahan pembelajaran adalah menarik. Sementara 76.7% pelajar mengatakan penerangan jelas dan mudah. Akhirnya sebanyak 43.3% pelajar mengatakan tidak terdapat terlalu banyak maklumat dalam setiap pelajaran. Didapati bahawa sebanyak 43.3% pelajar tidak pasti sama ada terlalu banyak maklumat disampaikan dalam setiap pelajaran atau tidak. Ini

mungkin kerana penerangan yang dipermudahkan menjadikan pelajaran bertambah atau pelajar menghendaki setiap pelajaran diperincikan lagi kepada unit-unit yang lebih kecil.

5.2.2.3 Struktur dan Organisasi

Dapatkan kajian menunjukkan sebanyak 70% pelajar mendapati modul ini dipecah kepada unit-unit yang kecil manakala 90% pelajar mengatakan ada urutan yang logik di antara setiap unit. Ini menunjukkan majoriti pelajar mengaku bahawa struktur dan organisasi MPK adalah positif iaitu dipecah kepada unit-unit yang lebih kecil dan ada urutan yang logik di antara setiap unit. Kepuasan pelajar mengenai struktur dan oraganisasi ini adalah berdasarkan beberapa ciri yang dijadikan dasar bagi merekebentuk modul ini. Di antaranya ialah nilai dan sub nilai yang dipecah kepada lima unit yang lebih kecil. Unit-unit kecil ini membantu pelajar mendalami konsep nilai dengan baik.

5.2.2.4 Latihan dan Aktiviti

Latihan dan aktiviti memainkan peranan penting dalam keberkesanannya sesuatu modul. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 96.7% pelajar menyatakan arahan-arahan bagi aktiviti dan latihan dalam MPK adalah jelas dan sebanyak 53.3% pelajar menyatakan bahawa latihan dan aktiviti bermula dengan soalan yang senang dan meningkat kesukarannya. Latihan yang dibina dengan mengikut kesukaran meningkat juga membantu memberikan keyakinan kepada pelajar. Penjelasan yang diberikan selepas latihan pula membantu pelajar mengetahui kenapa mereka membuat kesilapan.

Sementara 83.3% pelajar menyatakan latihan dan aktiviti membantu memahami konsep-konsep dengan baik dan berkait dengan objektif. Sebanyak 70% pelajar pula menyatakan latihan dan aktiviti adalah menarik dan mencabar. Akhirnya sebanyak 80% pelajar menyatakan ujian yang disediakan sangat berguna kerana ia membolehkan mereka mengetahui sejauhmanakah mereka telah mencapai objektif-objektif pelajaran. Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan majoriti pelajar bersetuju bahawa latihan dan aktiviti yang terdapat dalam MPK adalah baik dan sesuai.

5.2.2.5 Persembahan MPK

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 53.3% pelajar mendapati persembahan modul adalah menarik dan konsisten. Sementara itu seramai 76.7% pelajar menyatakan teks dipecahkan kepada pecahan yang mudah dikendalikan dan sesuai. Ini menunjukkan majoriti pelajar menyatakan persembahan modul adalah menarik dan sesuai.

5.2.2.6 Bahasa

Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 80% pelajar mendapati bahasa yang digunakan adalah sesuai untuk semua tahap. Sebanyak 76.7% pelajar menyatakan bahasa yang digunakan mudah difahami dan istilah yang sukar diberikan penjelasan. Sementara itu, 46.7% menyatakan nada yang digunakan adalah informal. Pada keseluruhannya didadapti bahasa yang digunakan adalah mudah dan sesuai untuk pelajar.

5.2.2.7 Sikap Para Pelajar Terhadap MPK

Selain dari pencapaian akademik, tanggapan dan pemerhatian tanpa penyertaan, kajian ini juga telah mengumpulkan data sikap para pelajar terhadap kaedah pengajaran bermodul menggunakan MPK. Dengan mendapatkan ukuran yang berasingan sikap para pelajar terhadap kaedah pengajaran bermodul, gambaran yang lebih khusus terhadap komponen sikap akan dapat diperolehi. Daripada dapatan kajian didapati sebanyak 66.7% pelajar menyatakan mereka berasa seronok semasa menggunakan modul dan sebanyak 86.7% pelajar menyatakan bahawa modul ini membantu mereka memahami topik Semangat Bermasyarakat dengan lebih baik. Sementara 73.3% pelajar menyatakan mereka berasa MPK ini berguna kepada rakan-rakan mereka. Sebanyak 76.7% pelajar pula menyatakan belajar dengan modul ini memberikan kepuasan kepada mereka. Secara keseluruhannya berdasarkan dapatan kajian ini didadapti bahawa sikap pelajar terhadap modul ini adalah positif. Ini membuktikan bahawa kaedah pengajaran yang diamalkan oleh para guru mempunyai kesan ke atas kecemerlangan akademik para pelajar dan sikap mereka terhadap mata pelajaran berkenaan. Kejayaan kaedah pengajaran bermodul mengekalkan kepositifan sikap para pelajar terhadap kaedah pengajaran bermodul sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya.

5.2.3 Pemerhatian Tanpa Penyertaan

Dari pemerhatian tanpa penyertaan yang dilakukan semasa para pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran Modul Pengajaran Kendiri didapati mengandungi unsur-unsur yang dapat menarik dan mengekalkan perhatian pengguna. Contohnya gambar-gambar idola remaja masa kini, artikel tentang tokoh-tokoh dan guru-guru yang mereka kenali serta contoh-contoh dan latihan yang berlainan bentuk. Sebanyak 76.7% pelajar menyatakan ini juga membantu mengekalkan perhatian mereka terhadap modul-modul kerana adanya perkaitan terhadap apa yang dipelajari.

Secara keseluruhannya dari hasil pemerhatian yang dilakukan menunjukkan modul yang dihasilkan memberikan keselesaan, keyakinan dan keseronokan kepada mereka sewaktu menggunakan modul ini.

5.2.4 Kesesuaian MPK

Temubual berstruktur telah dijalankan dengan tiga orang guru mata pelajaran Pendidikan Moral termasuk seorang Ketua Panitia Pendidikan Moral. Penilaian dibuat ke atas Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan merujuk kepada objektif, kandungan, struktur dan organisasi, latihan dan soalan dan persempahan. Penilaian ini perlu dilakukan oleh para pakar bidang sebelum modul-modul ini digunakan oleh para pelajar kerana para pakar arif tentang ciri-ciri bahan pengajaran yang sesuai untuk mengatasi masalah pembelajaran pelajar-pelajarnya. Hasil temubual didapati modul yang dihasilkan berada pada status sangat sesuai untuk diguna sebagai bahan pengajaran dan

pembelajaran bagi penguasaan nilai Semangat Bermasyarakat. Kesemua guru bersepakat bahawa pengajaran modul yang berbentuk kendiri berkesan kerana tumpuan yang menyeluruh dan pengajaran sepenuhnya dapat diberi kepada setiap aspek kelemahan pelajar. Di samping itu, pelajar dapat belajar mengikut tahap dan kebolehan mereka sendiri dan mempunyai ciri-ciri yang dapat membantu memudahkan pemahaman para pelajar. Guru-guru juga bersetuju bahawa objektif adalah jelas, isi kandungan setiap pelajaran adalah tepat dan berkaitan dengan objektif pelajaran dan penerangan yang diberikan adalah jelas. Keputusan ini sama seperti keputusan bagi kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Mohamad Haslan dan Shaharom Noordin (1996) dan Mohamad Hilmi dan Shaharom Noordin (1996).

5.3 Implikasi Kajian

Penyelidikan, penghasilan dan penilaian ke atas MPK bagi mata pelajaran Pendidikan Moral harus diperkenalkan di sekolah. Ianya amatlah sesuai digunakan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah.

MPK yang dihasilkan adalah sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral. Dalam ketiga-tiga fasa penilaian formatif yang dilakukan oleh para pelajar dan guru ke atas MPK tersebut menunjukkan bahawa kesemuanya adalah amat sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan

pembelajaran. Kemantapan dari segi penyediaan MPK tersebut telah membantu dengan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang diikuti oleh para pelajar. Ini telah menyokong dapatan penyelidikan terdahulu tentang penilaian ke atas kesesuaian MPK (Burdette, 1989; Hsu, 1989). Kajian juga menunjukkan bahawa penghasilan modul ini berdasarkan model ADDIE telah berjaya menimbulkan keselesaan, keyakinan dan keseronokan kepada para pelajar yang menggunakannya. Dengan itu adalah elok sekiranya kaedah ini dikembangkan dengan memberi pendedahan kepada para guru sama ada di sekolah rendah dan menengah tentang cara-cara menghasilkan MPK dengan menggunakan model reka bentuk pengajaran yang tertentu.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa pencapaian akademik dan penguasaan konsep para pelajar yang mengikuti kaedah ini adalah lebih baik dan menggalakkan. Di samping itu, sikap para pelajar terhadap kaedah pengajaran bermodul menggunakan MPK di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat positif. Para pelajar seronok menggunakan MPK yang diberikan kerana pembelajaran mereka lebih sistematik, terfokus dan lebih cekap. Mereka faham apa yang harus dilakukan dan diharapkan dari mereka. Para guru juga telah menyatakan bahawa penggunaan kaedah ini telah dapat menjimatkan masa pengajaran. Di samping itu, praujian yang diadakan pada MPK telah membantu mereka mengenalpasti konsep-konsep yang perlu diberi perhatian tambahan.

MPK tersebut telah direkabentuk dengan sistematik, terancang dan secara empirik. Ini mungkin salah satu sebab yang membawa kepada kecekapan dan

keberkesanannya kaedah pengajaran bermodul. Keputusan ini menyokong dapatan penyelidikan terdahulu tentang kaedah bermodul ke atas aspek sikap (Brewer, 1977 ; Butts, 1980 ; Gabriel dan Pillai, 1981; Elsen dan Yaakobi, 1986) yang mendapati bahawa para pelajar yang mengikuti kaedah pengajaran bermodul telah bersikap positif dalam pembelajaran mereka.

Walaupun kebanyakan pelajar mendapati bahawa penggunaan Modul Pengajaran Kendiri sangat menyeronokkan, terdapat juga pelajar yang merasa bosan sewaktu menggunakan modul tersebut. Bagi para pelajar yang sangat lemah, faktor tempoh perhatian yang singkat harus diambil kira. Kemungkinan penggunaan modul dalam waktu berkembar selama 70 minit adalah lama bagi para pelajar yang sangat lemah. Tambahan lagi, kandungannya harus diringkaskan lagi dengan lebih banyak peta minda, gambar dan sebagainya untuk menarik perhatian mereka di samping mudah untuk mereka faham.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor masa mempengaruhi keyakinan para pelajar. Semakin lama menggunakan modul, semakin meningkat keyakinan para pelajar. Dengan itu, sewaktu merancang penghasilan modul, faktor masa harus diambil kira. Masa yang mencukupi diperlukan untuk penyesuaian pelajar kepada modul yang akan digunakan.

Secara keseluruhannya keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan ia sangat sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Isi kandungannya disusun

dengan sistematik, objektif pelajaran adalah jelas, arahan yang diberikan mudah difahami dan pembinaanya mengambil kira perbezaan individu itu sendiri. Dengan mengambil kira keputusan kajian ini diharapkan lebih banyak lagi MPK seperti ini dibina dan dapat digunakan di sekolah yang berkaitan.

5.4 Cadangan

Amalan menganggap bahawa para pelajar sebagai ‘bekas kosong’ perlulah dihapuskan. Kesan dari amalan tersebut ialah para guru mendapati bahawa peruntukan masa untuk mata pelajaran ini tidak mencukupi. Oleh itu para guru perlulah mengadakan praujian ke atas setiap konsep yang akan diajar. Langkah ini akan dapat membantu mereka mengenalpasti konsep-konsep yang perlu diberi perhatian dan sebaliknya. Demi mencapai tujuan ini, Kementerian Pendidikan bolehlah menjalin kerjasama menjalankan kajian dengan isu-isu pendidikan agar soalan-soalan yang disediakan dalam praujian tersebut benar-benar memenuhi keperluan sukanan pelajaran

Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) boleh menjadikan kaedah pengajaran modul sebagai satu alternatif dalam pengajaran Pendidikan Moral di samping kaedah-kaedah lain. Para guru dalam perkhidmatan di semua peringkat persekolahan haruslah diberi peluang mendapatkan latihan yang berterusan supaya memperolehi kemahiran yang secukupnya dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran bermodul. Ini boleh dilakukan menerusi bengkel-bengkel sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri maupun negara. Apabila lebih ramai guru telah mempunyai kesedaran akan kebaikan

menggunakan kaedah pengajaran bermodul dan mengaplikasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pencapaian akademik, tanggapan, sikap dan keseronokan dalam pembelajaran di kalangan para pelajar akan dapat dipertingkatkan.

Bagi para guru dalam perkhidmatan, segala kemudahan yang terdapat di Pusat Kegiatan Guru (PKG) seharusnya digunakan sepenuhnya bagi tujuan latihan dan dalam proses menghasilkan MPK. Pihak sekolah diharapkan dapat menyediakan MPK mengikut tajuk-tajuk yang tertentu dan dapat memberikan kepada pelajar yang difikirkan memerlukan MPK tersebut.

Kementerian Pendidikan perlu mengubahsuai atau menggantikan buku-buku teks yang dibekalkan kepada para pelajar di semua peringkat persekolahan supaya ia dalam bentuk Modul Pengajaran Kendiri (MPK). Ini boleh dilakukan secara berperingkat-peringkat dengan menubuhkan satu Biro Penulisan dan Penilaian MPK peringkat kebangsaan yang terdiri dari mereka yang berkemahiran dalam MPK. Langkah ini adalah untuk memastikan bahan-bahan pembelajaran yang digunakan oleh para pelajar benar-benar berkualiti, cekap dan boleh mencapai matlamat yang ditetapkan serta dapat mengawal peruntukan yang besar.

Penggunaan modul pengajaran dalam bidang pendidikan terutamanya Pendidikan Moral boleh dipertingkatkan lagi dengan mengubahsuainya supaya selari dengan perkembangan dunia moden sekarang. Modul pengajaran yang disediakan bolehlah

diperkayakan lagi dengan menggunakan perisian di dalam komputer seperti Power Point. Ini adalah lebih interaktif dan boleh menarik minat dan memotivasi mereka.

5.5 Cadangan Kajian Lanjut

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk menghasil dan menilai Modul Pengajaran Kendiri untuk Tajuk Semangat Bermasyarakat, Pendidikan Moral, Tingkatan Empat. Sungguhpun kajian ini telah membuka jalan untuk mengkaji secara khusus keberkesanannya kaedah pengajaran kendiri menggunakan MPK dalam bentuk bahan bercetak, masih terdapat beberapa aspek yang boleh difokuskan dalam penyelidikan pada masa depan. Berdasarkan pada dapatan kajian ini, diberikan beberapa cadangan untuk tujuan tersebut.

Kajian ini boleh dilanjutkan dengan melakukan kajian sebenar ke atas modul yang telah dibentuk setelah pembaikan dilakukan. Kajian ini seharusnya melibatkan kelompok sasaran sebenar yang lebih besar saiznya yang melibatkan satu sekolah tertentu sahaja atau melibatkan beberapa sekolah.

Oleh sebab kaedah pengajaran bermodul merupakan satu pendekatan baru, kajian harus dijalankan untuk menentukan minat para pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral sekiranya kaedah ini digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan hanyalah untuk satu tajuk besar sahaja iaitu Semangat Bermasyarakat. Jadi, untuk memantapkan lagi dapatan kajian ini, kajian bagi nilai-nilai lain menggunakan kaedah pengajaran bermodul harus dijalankan. Tambahan

lagi kajian ini hanya melibatkan mata pelajaran Pendidikan Moral yang berdasarkan aspek kognitif. Kajian lanjut perlu dilakukan untuk melihat keberkesanannya MPK dalam aspek afektif. Kajian selanjutnya juga harus dilakukan untuk mengenalpasti kelompok pelajar yang lebih sesuai menggunakan kaedah pengajaran bermodul dalam pembelajaran. Kesesuaian ini boleh dilihat dari segi kebolehan dan juga jantina.

Kebergunaan dan kejayaan kaedah pengajaran bermodul sebagai suatu inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak bergantung kepada sejauhmana kesediaan dan sikap para guru untuk mengamal serta memanfaatkannya. Oleh itu, adalah bijak jika kajian dijalankan untuk menyiasat perkara ini. Modul Pengajaran Kendiri yang digunakan dalam kajian ini adalah dalam bentuk bahan bercetak dan memerlukan banyak pembacaan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengetahui sejauh manakah kesan kaedah pengajaran bermodul ini ke atas para pelajar yang menghadapi kesukaran membaca.

Guru-guru perlu mengetahui prinsip-prinsip penghasilan modul untuk menggunakan sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu satu kajian perlu dijalankan tentang tahap pengetahuan para guru di Malaysia dalam menghasilkan Modul Pengajaran Kendiri berdasarkan model-model reka bentuk pengajaran. Kajian akan memberikan gambaran tentang tahap pengetahuan para guru dalam penghasilan modul dan mungkin langkah selanjutnya adalah memberikan pendedahan kepada para guru tentang proses penghasilan modul pengajaran kendiri.

Modul Pengajaran Kendiri yang digunakan dalam kajian ini dalam bentuk bahan bercetak sahaja. Memandangkan penggunaan kepelbagaiannya media pengajaran adalah penting, kajian ke atas keberkesanannya media lain harus dijalankan. Kajian berpanjangan (longitudinal study) harus dijalankan untuk menilai kesan kaedah ini dalam tempoh beberapa tahun dan pada pelbagai peringkat.

5.6 Kesimpulan

Kurikulum baru yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara kita iaitu KBSR (1983) dan KBSM (1988) memang menunjukkan satu perubahan yang baru dan membina dalam sistem pendidikan kita. Kurikulum ini lebih menekankan kepada proses pengajaran-pembelajaran yang berpusatkan kepada individu-individu berbanding dengan sistem yang lama.

Penekanan yang diberikan kepada perkembangan individu secara menyeluruh menimbulkan satu lagi masalah iaitu setiap individu itu berbeza keupayaan pembelajarannya, jadi kaedah yang manakah yang harus digunakan.

Melalui kajian ini, sebuah Modul Pengajaran Kendiri (MPK) telah dihasilkan dan dinilai secara formatif berdasarkan model reka bentuk pengajaran ADDIE. Kajian mendapati bahawa MPK yang dihasilkan adalah sesuai digunakan. Terdapat peningkatan pencapaian dalam topik Semangat Bermasyarakat selepas menggunakan modul yang dihasilkan. Kajian juga menunjukkan bahawa para pelajar selesa, yakin dan seronok

menggunakan modul yang dihasilkan. Oleh itu modul pengajaran yang mengambil kira kemampuan pembelajaran mestilah dieksplotasikan sepenuhnya supaya kesan dari pembelajaran menjadi lebih kekal dan efektif.